

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PERINCIAN PELAKSANAAN CRESS AKAN DIUMUMKAN PADA BULAN SEPTEMBER 2024

PUTRAJAYA, 22 OGOS 2024 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air akan memperkenalkan Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat atau *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS), yang merupakan inisiatif progresif Kerajaan Madani dalam mewujudkan opsiyen pembekalan elektrik hijau yang lebih luas kepada pengguna. Inisiatif berteraskan akses pihak ketiga ini dijangka akan dilaksanakan pada September 2024.

Satu sesi dialog dan penerangan kepada pihak industri mengenai pelaksanaan Program CRESS telah diadakan pada 22 Ogos 2024 bagi mendapat maklum balas daripada pihak industri mengenai prinsip asas serta kerangka pelaksanaan program ini. Sesi dialog yang dipengerusikan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Fadillah bin Yusof, telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Seramai kira-kira 250 pemain industri telah hadir dan pelbagai idea serta pandangan berkaitan pelaksanaan Program CRESS telah diutarakan.

YAB Timbalan Perdana Menteri telah menutup sesi dialog ini dengan memaklumkan bahawa maklum balas yang diutarakan oleh wakil industri akan diteliti dan diambil kira dalam penyediaan garis panduan

pelaksanaan CRESS yang dijangka akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga pada bulan September 2024.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
22 OGOS 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

